



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN ISNIN, 9 JUN 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram YouTube



9/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NANCY SANTUNI PESAKIT TERLANTAR DI KAMPUNG STUNGANG MELAYU		PO S IT
	https://utusanarawak.com.my/nancy-santuni-pesakit-di-kampung-stungang-melayu/	UTU SA NS A R AWA K. MY	IF

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	1,200 GOLONGAN ASNAF TERIMA DAGING KORBAN DI LUN		PO S IT
	https://utusanarawak.com.my/1200-golongan-asnaf-terima-daging-korban-di-lundu/	UTU SA NS A R AWA K. MY	IF

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	ACTIVITY CENTRES FOR OLDER PERSONS WILL HELP MALAYSIA IN TRANSITION TO AGING COUNTRY		PO S IT
	https://www.sinaraily.my/article/727772/focus/national/active-ity-centres-for-older-persons-will-help-malaysia-in-transition-to-aging-country	SINARDAILY.CO M	IF

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WANITA WARGA EMAS ALAMI KEMURUNGAN HILANG SEJAK EMPAT HARI LALU		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/06/wanita-warga-emas-alami-kemurungan-hilang-sejak-empat-hari-lalu/	UTU SA N. C O M. MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SELEBRITI 'SENTUH' REMAJA: KERTAS SIASATAN MASIH DI TPR		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/08/selebriti-sentuh-remaja-kertas-siasatan-masih-di-tpr/	KOSMO.COM.M	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram YouTube



9/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	POLIS MINTA BANTUAN KESAN LELAKI OKU HILANG		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1227714/polis-minta-bantuan-kesan-lelaki-oku-hilang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/pemuda-oku-hilang-selepas-keluar-rumah/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=pemuda-oku-hilang-selepas-keluar-rumah	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaysiagazette.com/2025/06/08/polis-minta-bantuan-orang-ramai-kesan-oku-hilang/	MALAYSIA GAZETTE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-minta-bantuan-orang-ramai-kesan-lelaki-oku-hilang-524169	ASTROAWANI.CO	
	https://siakapkeli.my/2025/06/08/polis-minta-bantuan-orang-ramai-kesan-lelaki-oku-hilang	SIKAPKELI.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita-malaysia/polis-minta-bantuan-orang-ramai-kesan-lelaki-oku-hilang-524169	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/732717/edisi/pahang/di-mana-sabri	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy santuni pesakit terlantar di Kampung Stunggang Melayu

Utusan Sarawak 17 mins ago



DATO Sri Nancy Shukri menyantuni Affandi Hassim dan keluarga di Kampung Stunggang Melayu hari ini. Foto
Jabatan Penerangan Sarawak

LUNDU: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Dato Sri Nancy Shukri menyantuni Affandi Hassim dan keluarga di Kampung Stunggang Melayu hari ini.

Affandi Hassim, 47 tahun mempunyai anak perempuan yang bernama Putri Fatihah Umairah Affandi, 16 tahun yang kini merupakan pesakit terlantar.

"Anak saya telah terlantar pada penghujung tahun 2024 disebabkan oleh keradangan otak dan kini masih menerima rawatan susulan di Hospital Umum Sarawak (HUS) dan Hospital Lundu," kata bapa pesakit ketika ditemu bual pada program ziarah kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong turut menyerahkan tabung bantuan segera dengan kadar RM300 yang telah diluluskan.

Bantuan penjagaan pesakit terlantar dengan kadar RM500 sebulan akan bermula pada Julai 2025.

Turut hadir Timbalan Pengarah JKM, Mohd Ali Taib.

– *Jabatan Penerangan Sarawak*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1,200 golongan asnaf terima daging korban di Lundu

Utusan Sarawak • 7 hours ago



MENTERI KPWKM, Dato Sri Nancy Shukri menyempurnakan agihan daging korban kepada penduduk di Lundu sempena sambutan Aidiladha hari ini. Foto Jabatan Penerangan Sarawak

LUNDU: Seramai 1,200 golongan asnaf di daerah Lundu telah menerima sumbangan daging korban sempena sambutan Aidiladha.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Dato Sri Nancy Shukri hadir menyempurnakan program ibadah korban perdana peringkat daerah Lundu 2025 di Perkarangan Masjid An-Nur Kampung Stunggang Melayu, Lundu hari ini.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Azizul Annuar Adenan.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong turut menyempurnakan simbolik penyerahan kepada wakil golongan asnaf menerusi ketua kampung yang hadir.



MENTERI KPWKM, Dato Sri Nancy Shukri menghadiri majlis agihan daging korban kepada penduduk di Lundu sempena sambutan Aidiladha hari ini. Foto Jabatan Penerangan Sarawak

Sebanyak 14 ekor lembu telah disumbangkan bagi ibadah korban pada program ini yang dianjurkan oleh Lembaga Amanah Kebajikan Islam Lundu (LAKIL) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Majlis penyembelihan lembu telah bermula seawal 7.00 pagi yang melibatkan empat zon Daerah Lundu iaitu zon Sampadi di Kampung Stoh, Lundu, zon Sematan di Dewan Kampung Siru Melayu, Sematan, zon Pandan di Masjid Ikhwanil Muslimim Kampung Sekambal Melayu dan zon Lundu di Masjid An-Nur Kampung Stunggang Melayu, Lundu. – *Jabatan Penerangan Sarawak*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Activity centres for older persons will help Malaysia in transition to aging country

The Women, Family and Community Development Ministry channels RM50,000 annually through the department to each PAWE to implement their programmes.

18 Jun 2025 02:25pm



Photo for illustration purposes only.

PAPAR – A total of 190 Activity Centres For The Older Persons (PAWE) registered with the Social Welfare Department throughout the country are now actively conducting activities as Malaysia prepares to become an aging country by 2030.

Social Welfare Department director-general Datuk Che Murad Sayang Ranjan said the Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM) channels RM50,000 annually through the department to each PAWE to implement their programmes.

"The members in PAWE include former government officers, private sector employees and members of the public who will create more ideas and turn the centres into an attractive programme as they become places to gather."

"The activities include health checks, physical training suitable for the elderly and intergenerational programmes involving youth in PAWE to allow them to learn skills like handicraft," he told reporters during the officiation of a PAWE in Kampung Benoni here today by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali, who is also Papar MP.

Che Murad Sayang said that with intergenerational activities in PAWE, youth in each area can learn certain skills that have various traditional and cultural values.

He added that his department would introduce Activities for The Older People empowerment programmes through the ANY WHERE, ANY PLACE, ANY TIME (PAWE@3A) programme.

In PAWE@3A, activities are held even without buildings as they are social support and elderly development activities done through strategic collaboration between government agencies, non-governmental organisations and local communities.

On PAWE in Sabah, Che Murad Sayang said there are 23 such centres operating in the state with a membership of 6,471 with two more centres opening in Kota Belud and Pantai Dalit in October.

Kampung Benoni PAWE chairman Pg Abdul Halim Pg Rambang, 71, said the centre began operating in November last year and there are currently 155 registered members.



Photo for illustration purposes only.

The retired teacher said programmes run by PAWE in the village included organising seminars.

"We are very grateful for the PAWE building located near Assalam Benoni Jamek Mosque," he said.

Meanwhile, KPWKM deputy secretary-general (operation) Farah Adura Hamidi said the 2025 Kembara Kasih KPWKM programme, which is being held in Sabah for the first time, aimed to bring ministry services to communities, especially in rural areas.

The ministry has taken the initiative to launch mobile buses as Local Social Support Centres, she said, after the ministry considered the difficulties residents faced in gaining access to ministry services.

Farah Adura said with the buses, assistance and support to communities in need of expert advice, especially in matters of health, can be done.

"The facility, which includes buses and trucks, will be left to the Sabah State Welfare Foundation to be used for communities in the state continuously," she added. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

Wanita warga emas alami kemurungan hilang sejak empat hari lalu



NORMAH WATEH

Oleh NORLI SAMLI 8 Jun 2025, 2:26 pm

BAUNG: Seorang wanita warga emas dilaporkan hilang sejak empat hari lalu selepas dia dipercayai keluar dari rumahnya di Kampung Tembak B, Mukim Teloi Kanan, Kuala Ketil di sini.

Normah Wateh, 60, yang mengalami masalah kesihatan termasuk kemurungan dan Skizofrenia cuba dicari anak-anaknya di sekitar rumah mereka sebaik menyedari kehilangan wanita itu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Baling, Penolong Penguasa Bomba Zulkhairi Mat Tanjil berkata, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dilakukan pihaknya bersama polis dan agensi menyelamatkan lain setelah menerima panggilan berhubung kes itu pagi ini.

"SAR dilakukan secara menyeluruh di kawasan darat termasuk di kebun getah dan ladang kelapa sawit serta diperluaskan kira-kira lima kilometer radius dari rumah mangsa.

"Berdasarkan maklumat wanita itu sudah beberapa kali hilang sebelum ini dan agak mustahil dia menuju ke arah sungai yang berada jauh dari kawasan ini," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, pencarian melibatkan 51 pegawai dan anggota polis, bomba, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta bantuan penduduk kampung itu turut disertai unit anjing pengesanan (K-9) Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Zulkhairi berkata, operasi akan diteruskan meskipun pasukan SAR berdepan cabaran liputan telekomunikasi yang terhad di kawasan pencarian selain laluan yang sempit dan jauh dari jalan utama. — **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Selebriti 'sentuh' remaja: Kertas siasatan masih di TPR

Definisi: 11 Jun 2023, 12:55 pm



GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA – Kertas siasatan kes selebriti disyaki melakukan amang seksual terhadap remaja perempuan berusia 17 tahun masih berada pada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulizam Ja'afar berkata, kertas siasatan tersebut belum diserahkan kepada pihak polis.

"Kertas siasatan belum lagi turun daripada pejabat pendakwa. Jika ada arahan pendakwa, saya akan maklumkan," katanya kepada Kosmo! hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada selebriti tersebut bakal dituduh ke mahkamah berhubung kes yang dihadapinya.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan, kertas siasatan kes selebriti disyaki melakukan amang seksual terhadap remaja perempuan berusia 17 tahun sudah diserahkan kepada TPR pada Khamis.

Shahrulizam mengesahkan perkara tersebut ketika dihubungi Kosmo! sebelum ini.

Terdahulu, selebriti tersebut ditahan polis selepas melakukan amang seksual ke atas remaja perempuan di sebuah hotel di sini.

Ketua Pendolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (DII) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisiner Siti Kamsiah Hassan dilaporkan berkata, mangsa dikatakan berkenalan dengan suspek di sebuah kafe tempatnya bekerja sejak tiga bulan lalu.

Suspek kemudian mengajak mangsa bertemu di sebuah hotel dan didakwa melakukan perbuatan amang seksual fizikal. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Polis minta bantuan kesan lelaki OKU hilang

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Kuantan: Polis meminta bantuan orang ramai bagi mengesan seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) yang dilaporkan hilang sejak 2 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Jerantut Superintendan Zukri Muhammad berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kehilangan mangsa, Sabri Ismail, 36, pada 9.29 malam tadi.

Beliau berkata, lelaki berkenaan yang juga seorang OKU mental berkulit cerah, berketinggian 178 sentimeter dan bertubuh gempal dengan berat kira-kira 90 kilogram.

"Lelaki itu kali terakhir dilihat di sekitar Taman Sri Embun, Jerantut pada 2 Jun lepas," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil ke mana-mana balai polis berdekatan atau menghubungi Pusat Kawalan Daerah Ibu Pejabat Polis Daerah Jerantut di talian 09-266 2222.